

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WILSON UGAK
KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 12.11.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 11

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:-

- a) status jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat / Jalan Rumah Juntan ke Nanga Sut (Rumah Bengau) di Kapit, Sarawak; dan
- b) status Solar Hybrid di Long Kajang & Lusong Laku di Daerah Belaga.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat / Jalan Rumah Juntan ke Nanga Sut (Rumah Bengau) di Kapit, Sarawak merupakan projek *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* di bawah Kerajaan Negeri Sarawak dan bukan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sehubungan itu, Kementerian tiada maklumat mengenai status projek berkenaan.

Khusus untuk pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sistem solar hibrid di Long Kajang dan Lusong Laku pula, kerja-kerja fizikal pembinaan di tapak telah siap sepenuhnya dan di peringkat akhir pengujian dan pentauliahan sistem sebelum mula tugas. Kementerian menjangkakan bahawa penduduk kampung akan mendapat bekalan elektrik 24 jam sebelum 14 Januari 2015.